

**PROJEK MENAIK TARAF
LAPANGAN TERBANG SULTAN
AZLAN SHAH (LTSAS), IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN**

Tarikh Mula: 13 April 2011

Tarikh Siap: 1 November 2012

LATAR BELAKANG PROJEK:

- Objektif projek dilaksanakan ialah untuk menaiktaraf kemudahan infrastruktur bagi menampung keperluan operasi pesawat jenis B737-800 / A320 dan meningkatkan keupayaan Terminal sedia ada bagi menampung keperluan sedia ada pesawat ATR-72-500 untuk operasi antarabangsa.
- Projek dimiliki oleh MOT dan dilaksanakan secara konvensional oleh kontraktor yang dilantik melalui kaedah Tender Terbuka Dengan Pra-Kelayakan.
- Projek telah bermula pada 13 April 2011 dan telah siap sepenuhnya pada 1 November 2012 dengan keseluruhan kos kontrak kerja sejumlah RM35 juta.
- Projek ini mensasarkan impaknya kepada semua pengguna lapangan terbang, syarikat-syarikat penerbangan dan juga agensi kerajaan yang berada di LTSAS Ipoh.

SKOP KERJA MENAIK TARAF:

Berikut merupakan skop kerja menaik taraf LTSAS Ipoh:

- Memanjangkan Landasan dari 1,798m ke 2,000m serta melebarkan landasan daripada 36.5m ke 45m bagi menampung keperluan operasi pesawat jenis B737-800 / A320;
- Menurap semula landasan dan membina *connecting taxiway*;
- Melebarkan parkir komersil pesawat
- Menaik taraf Sistem lampu Aeronautical Ground Lighting (AGL) berkaitan
- Menaik taraf fasad bangunan terminal sedia ada;
- Menaik taraf Balai Pelepasan dan Ketibaan;
- Menaik taraf sistem penyaman udara, CCTV, dan lif;
- Menaik taraf bilik VIP/ VVIP
- Menyediakan kaunter-kaunter baru daftar masuk dan imigresen.
- Menaik taraf lain-lain kemudahan berkaitan seperti tandas, surau, pejabat-pejabat syarikat penerbangan dan agensi kerajaan, dan sebagainya.

IMPAK PROJEK KEPADA KUMPULAN SASAR:

1. Kenaikan Pergerakan Penumpang dan Pesawat

Menurut maklumat dan data statistik yang diperolehi daripada MAHB, pergerakan penumpang dan pergerakan pesawat (Komersil) dari tahun 2010 hingga 2014 telah menunjukkan kenaikan amat positif. Berbanding tahun 2010, jumlah pergerakan penumpang keluar masuk telah meningkat sebanyak 47% pada tahun 2011. Jumlah pergerakan pesawat komersil juga meningkat sebanyak 82% pada 2011 berbanding tahun 2010. Pada tahun 2012 dan 2013, jumlah pergerakan penumpang masing-masing meningkat 3% dan 1%. Namun demikian, peningkatan ketara bagi jumlah penumpang di LTSAS Ipoh sehingga 33% telah dicatat pada tahun 2014.

Trafik	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Pergerakan Penumpang	21,937	48,508	71,169	73,354	74,320	98,768
Kargo (Tan)	0	0	0	34	403	296
Jumlah Pergerakan Pesawat	384	844	1,536	1,515	1,464	1,960

Sumber: MAHB, 2015

2. Peningkatan kemudahan asas di LTSAS Ipoh

Berbanding sebelum projek menaik taraf, LTSAS kini mampu menyediakan kemudahan asas pada kualiti terbaik dengan penyediaan sistem penghawa dingin sepenuhnya dan memiliki kemudahan kepada golongan OKU.

3. Penambahan kapasiti jenis pesawat

LTSAS Ipoh kini memiliki 3 parkir pesawat yang boleh digunakan oleh pesawat jenis A320/ B737/ ATR72-600 PIPO pada masa serentak berbanding sebelum projek hanya satu (1) parkir untuk jenis pesawat B737 dan dua (2)) pesawat ATR72-500.

4. Peningkatan Kepuasan Pengguna LTSAS Ipoh

Melalui kaji selidik ACSPP yang telah dijalankan oleh MAHB pada tahun 2013 dan 2014, kepuasan pelanggan terhadap kualiti terminal, kemudahan yang disediakan dan keselesaan sewaktu menggunakan LTSAS Ipoh telah menunjukkan secara keseluruhannya pengguna berpuas hati dengan rekabentuk moden dan perkhidmatan yang diberikan.



Gambar Sebelum kerja menaik taraf kawasan kaunter daftar masuk LTSAS Ipoh

Gambar Selepas kerja menaik taraf kawasan kaunter daftar masuk LTSAS Ipoh



Gambar Sebelum (atas) dan
Selepas (bawah) kerja menaik
taraf balai berlepas LTSAS Ipoh



Gambar Selepas kerja
menaik taraf balai berlepas
LTSAS Ipoh





Gambar Sebelum kerja menaik taraf bangunan terminal (pandangan dari parkir pesawat) LTSAS Ipoh

Gambar Selepas kerja menaik taraf bangunan terminal (pandangan dari parkir pesawat) LTSAS Ipoh





Gambar Sebelum kerja menaik taraf bumbung LTSAS Ipoh

Gambar Selepas kerja menaik taraf taraf bumbung LTSAS Ipoh



Gambar Sebelum kerja menaik taraf kawasan “drop-off” LTSAS Ipoh



Gambar Selepas kerja menaik taraf taraf kawasan “drop-off” LTSAS Ipoh

